

UM 14 JUN 2002
**Semua penyandang
jawatan tertinggi
MCA kekal
hingga 2005**

KUALA LUMPUR 13 Jun – MCA memutuskan tidak akan ada pertandingan bagi semua jawatan tertinggi termasuk Presiden dan timbalannya pada Perhimpunan Agung parti itu, 29 Jun ini.

Setiausaha Agung parti, Datuk Seri Dr. Ting Chew Peh berkata, ini bermakna semua penyandang jawatan di peringkat kebangsaan akan dikekalkan sehingga 2005.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pemandu Pemilihan MCA berkata, keputusan itu selaras dengan pelan damai yang disyorkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad selaku Pengerusi Barisan Nasional (BN).

“Semua penyandang jawatan-jawatan seperti Presiden, Timbalan Presiden, Setiausaha Agung, Naib Presiden, Bendahari dan anggota Jawatankuasa Pusat (CC) akan dikekalkan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Biro Pendidikan MCA di Wisma MCA di sini hari ini.

Pada 23 April lalu, CC membuat keputusan mengekalkan status quo pemimpin parti itu di semua peringkat sehingga tahun 2005.

Ini bermakna tidak akan ada pertandingan sama ada di peringkat bahagian, negeri mahupun Pusat untuk tempoh tiga tahun bermula tahun ini.

Chew Peh selanjutnya berkata, pada perhimpunan kali ini, setiap perwakilan perlu mengisi kertas pencalonan sebagai mematuhi perlembagaan parti.

Katanya, tindakan mungkin akan diambil jika terdapat perwakilan mengisi kertas pencalonan untuk mencabar penyandang jawatan sedia ada.

“Kita tunggu dan lihat siapa yang berani untuk tidak mematuhi arahan kita,” katanya.